

Sinar Harian - 24 Mac 2016 -

# Dun Terengganu tidak tergantung

## Ahmad masih lagi Adun BN, kedudukan kerusi Dun kekal 17 BN, 15 pembangkang

■ W.SAIDATUL NAJEMUDIN

**KUALA TERENGGANU** - Tiada istilah Dun Terengganu tergantung ataupun berada di kedudukan an 16-16 dan masih 17 BN dan 15 pembangkang. Pensyarah Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa Universiti Sultan Zainal Abidin, Prof Madya Dr Mohd Afandi Salleh berkata, kedudukan Dun Terengganu boleh ditentukan sekiranya Umno membuat keputusan muk-tamad berhubung kedudukan Adun Kijal, Datuk Seri Ahmad Said.

Menurutnya, dengan beberapa isu yang berlaku terhadap Ahmad antaranya membawa usul undi tidak percaya terhadap Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman dan penarikan balik peruntukkan di Dun Kijal, tidak menjadikan Ahmad sebagai pembangkang atau berada di pihak parti lawan.

"Kalau beliau (Ahmad) buat usul (undi tidak percaya terhadap menteri besar) itu mungkin dia tidak suka kepada menteri besar. Kita tidak boleh rangkumkan sekali. Takkanlah sekali kritik kita

mahu kata dia pembangkang. Tidak boleh macam itu. Dalam hal ini Umno perlu menyelesaikan.

"Begitu juga dengan tindakan kerajaan negeri tarik balik peruntukkan (Dun Kijal), itu tiada kena mengena (dengan meletakkan kedudukan Ahmad sebagai pembangkang) kerana tiada satu syarat pun (mengatakan demikian).

"Seharusnya kita perlu lihat kepada undang-undang, jangan melihat ia dari sudut politik sahaja, kena tengok dari Perlembagaan Negeri, Perlembagaan Umno dan keputusan Umno.

Ahmad adalah calon pilihan raya dan parti, jadi parti yang perlu putuskan (kedudukan Ahmad), Perlembagaan Negeri pula jadi panduan," katanya kepada Sinar Harian, di sini.

Dalam laporan Sinar Harian semalam, Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang digesa tidak melepaskan peluang untuk membentuk kerajaan negeri baharu apabila jumlah kerusi Dun Terengganu antara BN dan pembangkang sama banyak pada masa ini.

Pengarah Komunikasi Parti Amanah Negara (Amanah), Khalid Samad berkata, pimpinan Pas

Terengganu perlu menyatakan pendirian dengan segera untuk mengelakkan Dun Terengganu terus tergantung.

Mengulas lanjut perkembangan politik di negeri ini, Mohd Afandi menjelaskan bahawa Pas Terengganu lebih berperanan sebagai badan bukan kerajaan (NGO) dan bukannya parti politik.

Ini kerana katanya, parti tersebut tidak mengambil peluang terhadap kemelut politik melanda Dun Terengganu ketika ini lebih-lebih lagi apabila usul undi tidak percaya dibuat, ia sudah tentu memperlihatkan wujudnya ketidakpercayaan terhadap menteri besar sedia ada.

Jelasnya, sebagai sebuah parti politik, Pas sepatutnya lebih proaktif berperanan dalam soal mengurus, menadbir dan memerintah negeri.

"Pas tidak ambil peluang atas isu yang berlaku. Bagaimanapun, mungkin Pas punya strategi sendiri," katanya.



MOHD AFANDI